



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KENYATAAN RASMI FAKULTI KEJURUTERAAN

AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN SELEPAS TAMAT TEMPOH PKPD UMS DAN SELEPAS CUTI PERTENGAHAN SEMESTER 2 SESI 2020/2021

1. Kenyataan Media Menteri Pengajian Tinggi pada 31 Disember 2020 berkenaan kebenaran pelajar tempatan berkepentingan kembali ke kampus, Kenyataan Rasmi Naib Canselor UMS berkenaan PKPD UMS pada 7 April 2021 dan Kenyataan Rasmi FKJ UMS berkenaan penangguhan PdP secara bersemuka pada 1 April 2021 adalah dirujuk.
2. Berdasarkan kenyataan Media Menteri Kanan Pertahanan pada 1 Mei 2021 berkaitan PKPD UMS yang ditamatkan pada 2 Mei 2021 dan Arahan Pentadbiran Bil. 9/2021 berkenaan penetapan peratus kehadiran kakitangan UMS ke pejabat, dimaklumkan bahawa semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka **dibenarkan** untuk dilaksanakan bermula **3 Mei 2021**.
3. Kenyataan Media oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 29 April 2021 menyatakan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 28 April 2021 telah bersetuju untuk membenarkan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pulang ke rumah masing-masing sempena cuti Hari Raya Aidilfitri kecuali negeri Sarawak.
4. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menetapkan beberapa mekanisma kawalan di mana pergerakan pelajar di setiap IPT balik ke rumah dilaksanakan secara berfasa seawal **7-12 Mei 2021** dan kembali ke kampus pada **15-20 Mei 2021**.
5. Universiti Malaysia Sabah telah mengeluarkan Kenyataan Rasmi berkenaan **Cuti Pertengahan Semester 2 Sesi 2020/2021** pada 2 Mei 2021 menyatakan Takwim Akademik Semester 2 Sesi 2020/2021 adalah **tidak berubah** di samping memaklumkan peraturan pergerakan yang perlu dipatuhi oleh pelajar yang berhasrat untuk pulang ke rumah dan kembali ke kampus. Pelajar juga turut dipinta untuk menjalankan isolasi selama 10 hari setelah Kembali ke kampus.
6. Kenyataan rasmi tersebut turut menyatakan pelajar perlu **menghubungi Fakulti/Institut/Pusat** untuk mengetahui operasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi menyelaraskan pergerakan pulang dan kembali ke kampus.
7. Bagi Fakulti Kejuruteraan, **PdP secara bersemuka selepas Cuti Pertengahan Semester 2 Sesi 2020/2021** perlu terus dilaksanakan atas justifikasi berikut:

- (i) Program kejuruteraan merupakan **program profesional** yang dipantau oleh **badan profesional**;
 - (ii) Program yang ditawarkan di fakulti memerlukan pelajarinya hadir secara fizikal bagi melengkapkan kursus dan tergolong di dalam **6 kategori pelajar berkeperluan**;
 - (iii) Banyak kursus yang memerlukan penggunaan **makmal secara hands-on**;
 - (iv) Memastikan pelajar mencapai Course Outcome (**CO**), Program Outcome (**PO**) dan akhirnya mencapai Program Educational Objectives (**PEO**).
 - (v) Memastikan **kualiti** penyampaian PdP yang berkesan bagi kesemua kursus teras kejuruteraan.
8. Justeru, Fakulti Kejuruteraan telah memutuskan agar **SEMUA PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN KEMBALI KE KAMPUS SELEPAS CUTI PERTENGAHAN SEMESTER 2 SESI 2020/2021** untuk mengikuti PdP secara bersemuka, secara dalam talian atau gabungan bersemuka dan dalam talian (hibrid).
9. Kelas tutorial, projek mini, projek rekabentuk bersepadu, ujian makmal, ujian pertengahan semester dan **peperiksaan akhir** akan dijalankan secara bersemuka mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Manakala sesi pengkuliah akan dijalankan secara dalam talian atau secara hibrid.
10. Sila berhubung dengan Ketua Program / Penyelaras Program untuk sebarang pertanyaan dan semakan pelaksanaan PdP kursus-kursus yang ditawarkan semester 2 sesi 2020/2021:

BIL	PROGRAM	NAMA KETUA PROGRAM / PENYELARAS PROGRAM DAN EMAIL
1	Diploma Kejuruteraan Proses (Operasi Minyak Dan Gas)	Dr. Chiam Chel Ken chiamchelken@ums.edu.my
2	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Awam)	Dr.Lillian @ Lilia Gungat lillian@ums.edu.my
3	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik)	Dr. Yoong Hou Pin yoongpin@ums.edu.my
4	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Kimia)	Dr. Mariani binti Rajin mariani@ums.edu.my
5	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal)	Ir. Dr. Chua Bih Lii bihlii@ums.edu.my
6	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dengan Kepujian	Dr. Rosalyn R Porle rlyn39@ums.edu.my
7	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas	Dr. Emma Suali emma.suali@ums.edu.my
8	Sarjana Kejuruteraan (Minyak dan Gas)	Dr. Sariah Saalah S_sariah@ums.edu.my
9	Pascasiswazah secara penyelidikan (Sarjana / PhD)	Dr. Mazlina binti Mamat mazlina@ums.edu.my

11. Pelajar dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka Di Ruang Pembelajaran Fakulti Kejuruteraan dan mana-mana garis panduan berkaitan yang sedang **BERKUATKUASA**.
12. Pengumuman ini juga tertakluk kepada sebarang arahan terkini yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri Sabah, termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
13. Pelajar dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan dan pengumuman terkini oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian.

DEKAN & PENGURUSAN

Fakulti Kejuruteraan
Universiti Malaysia Sabah
3 Mei 2021